

TR 8:9:75

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA  
PEMBUKAAN RESMI RANCANGAN PERUMA-  
HAN RAKYAT BUKIT BANGSAR PADA 10HB  
SEPTEMBER, 1975**

Yang Berbahagia Tan Sri Yaacob Latiff, Datuk Bandar, Kuala Lumpur, Yang Berhormat Menteri-menteri, Dif-dif Yang Terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat bersama-sama hadir pada pagi ini untuk menyaksikan dan seterusnya merasmikan Rancangan Perumahan Bandaraya di Bukit Bangsar ini.

Saya sukalah mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada penghuni-penghuni rumah pangsa ini dan juga Datuk Bandar kita kerana memberikan nama Sri Pahang kepada kompleks perumahan rakyat yang terbesar sekali dijayakan oleh Dewan Bandaraya.

Begitu juga sukalah saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada mereka yang beraasib baik dapat ditempatkan dalam kompleks baru ini dengan keadaan yang lebih selesa serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan bagi kehidupan kita hari ini. Saya gembira mendapat tahu bahawa kesemua 784 keluarga dalam Rancangan Perumahan Sri Pahang ini terdiri dari golongan rakyat berbagai kaum yang berpendapatan rendah dan sudah sewajarnya mereka diberi keutamaan mendapat tempat kediaman yang moden.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang telah disebutkan oleh Datuk Bandar tadi, saya penuh yakin bahawa Dewan Bandaraya akan dapat melaksanakan banyak lagi rancangan-rancangan perumahan seperti ini bagi memenuhi keperluan rakyat yang berpendapatan rendah dalam Wilayah Persekutuan ini yang pada masa sekarang terpaksa tinggal di kawasan-kawasan sesak (slum areas) ataupun sebagai setingan di tempat-tempat yang berbahaya dari segi keselamatan dan juga kawalan kesihatan yang tidak sempurna.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, memanglah menjadi hasrat dan tujuan Kerajaan untuk menyediakan lebih banyak lagi tempat kediaman yang sempurna dengan kemudahan-kemudahan asas seperti air dan api letrik kepada rakyat kita yang berpendapatan rendah. Sudah tentulah rancangan ini tidak dapat dijalankan sekali gus dan hanya dilaksanakan berperingkat-peringkat. Dengan adanya rancangan yang menyeluruh ini dapatlah dilahirkan suasana yang akan mendorong mereka kepada perubahan sikap serta nilai-nilai hidup sesuai dengan hasrat kita hendak membina masyarakat baru.

Selain dari itu kemudahan-kemudahan asas ini juga adalah perlu bagi memberi jaminan hidup yang lebih sempurna dan keadaan kesihatan yang lebih baik kepada keluarga mereka. Ini seterusnya akan menjamin kemajuan pelajaran anak-anak serta kegiatan ekonomi keluarga itu sendiri sambil melahirkan perhubungan sosial yang sihat yang boleh memperkukuhkan rasa perpaduan dan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara ini.

Saudara-saudara sekalian,

Rancangan perumahan rakyat yang sempurna seperti Rancangan Perumahan Bukit Bangsar ini tentulah dapat menyelesaikan sedikit sebanyak masalah yang dihadapi oleh penghuni kawasan sesak atau "slum" di mana terdapat sarang-sarang tempat perlindungan aktiviti-aktiviti anti-sosial dan subversif serta anasir-anasir anti-nasional. Keadaan di tempat-tempat ini sentiasa mengancam kehidupan penghuni-penghuni sedangkan mereka tidak dapat memainkan peranan yang sewajarnya menentang anasir-anasir jahat itu dan membantu usaha Kerajaan mewujudkan masyarakat yang aman damai dan maju.

Saudara-saudara sekalian,

Bagi kawasan Wilayah Persekutuan khususnya, saya telahpun mengarahkan Dewan Bandaraya supaya mengadakan satu rancangan perumahan rakyat yang berpendapatan rendah yang lengkap dan comprehensive untuk dilaksanakan dari masa ke masa. Rancangan ini termasuk pembinaan rumah murah di

kawasan-kawasan setingan, menempatkan semula setingan-setingan dan menyediakan tapak-tapak perumahan bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Adalah diharap sekurang-kurangnya Dewan Bandaraya dapat menyediakan 30,000 yunit perumahan di dalam masa lima tahun yang akan datang ini untuk memberi perubahan yang nyata kepada cara hidup penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah di Kuala Lumpur ini.

Dalam hubungan ini, saya telah juga mengarahkan agar satu kawasan baru tanah Kerajaan seluas 775 ekar di Jalan Cheras dimajukan sebagai kawasan perumahan dan pusat bandar kecil dengan memberi keutamaan kepada perumahan rakyat yang berpendapatan rendah.

Saya juga berharap pihak Bandaraya akan juga mengambil langkah-langkah bagi menentukan agar hakmilik yunit-yunit perumahan akan diserahkan kepada penghuni-penghuni selaras dengan hasrat Kerajaan melahirkan house-owning democracy di mana setiap rakyat dapat memiliki tempat kediaman mereka sendiri.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam ucapan saya di beberapa tempat akhir-akhir ini, saya seringkali tegaskan betapa perlunya kita menguatkan kedudukan keselamatan dalam negeri supaya dapat kita menjamin segala rancangan pembangunan mencapai sepenuh kejayaan.

Dalam masa kebelakangan ini, sebagaimana yang kita maklum, keadaan lebih merunsingkan dengan bertambahnya aktiviti-aktiviti yang mengancam kedudukan keselamatan. Anasir-anasir anti-nasional telah menggiatkan gerakan mereka terutama di bandar-bandar dengan menjalankan kegiatan yang bertujuan hendak menakutkan rakyat. Tugu Negara, lambang kejayaan rakyat menentang keganasan Parti Komunis Malaya telah dijadikan sasaran oleh anasir-anasir jahat dan yang terakhir sekali ialah perbuatan melemparkan bom di kawasan Markas Polis Hutan Briged Tengah yang telah mengorbankan dua jiwa dan mencederakan hampir 45 orang anggota Polis. Tidak syak lagi perbuatan jahat ini bertujuan melemahkan semangat pasukan keselamatan dan rakyat dalam menghadapi keadaan yang genting pada masa ini.

Kita tidak sekali-kali gentar dengan ancaman serta keganasan ini dan kita akan lambat-laun menghapuskan anasir-anasir jahat ini. Saya yakin rakyat juga tidak berasa gentar dengan perbuatan khianat yang telah menyebabkan kematian dan kemalangan kepada mereka yang tidak berdosa. Sebaliknya, saya yakin dan percaya mereka akan lebih berazam untuk menghapuskan anasir-anasir jahat ini dari bumi negara kita.

Selain dari perbuatan ganas dan kejam ini, seringkali juga berlaku rompakan-rompakan yang menggunakan senjata-senjata api. Akhir-akhir ini keadaan ini telah bertambah dari masa ke semasa kerana kita tahu iaitu kebanyakan daripada senjata-senjata ini adalah dimasukkan secara haram dari luar negeri. Kerajaan akan terus berusaha membasmi anasir-anasir ini dan tindakan yang lebih keras akan dikenakan terhadap anasir-anasir ini.

Pada had Sabtu yang lalu, Kerajaan telah mengisytiharkan bahawa Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri akan digunakan dengan dikenakan hukuman mati kepada sesiapa jua yang didapati memiliki senjata api atau alat-alat letupan tanpa kebenaran yang sah dari segi undang-undang. Kerajaan telahpun menguatkuasakan Seksyen 57 hingga Seksyen 63 dalam Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri untuk tujuan ini.

Di bawah Seksyen 57, disebutkan iaitu mana-mana jua orang perseorangan yang tidak mempunyai alasan yang sah dari segi undang-undang, di mana tanggungjawab mengesahkan hal tersebut adalah terpulang kepadanya, telah kedapatan berada di kawasan-kawasan larangan dengan memiliki atau membawa senjata api, atau alat-alat letupan dengan tiada kebenaran yang sah dari segi undang-undang maka bermakna telah membuat kesalahan di bawah Seksyen ini dan jika didapati salah boleh dihukum dengan hukuman mati. Kita tidak akan menimbangkan lagi untuk memberi ampun atau diringankan hukuman kepada mereka yang bersalah ini. Saya harap saudara-saudara sekalian faham kenapa Kerajaan terpaksa menyediakan hukuman yang berat ini. Selagi kita tidak mengambil tegas dan sewajarnya, saya percaya ancaman-ancaman serta aktiviti-aktiviti ini tidak dapat dihapuskan.

Saudara-saudara sekalian,

Dalarn hubungan ini juga, Kerajaan telah melancarkan Rancangan Rukun Tetangga yang bertujuan melibatkan segenap anggota masyarakat dalam usaha menjaga keselamatan rumah-tangga, harta benda serta masyarakat sendiri. Melalui rancangan ini, kita dapat membangkitkan perasaan tanggungjawab terhadap keselamatan sekeliling tempat tinggal khasnya dan negara amnya.

Bagaimanapun, patutlah kita ingat anasir-anasir jahat tidak akan berdiam diri dan akan cuba meneruskan angkara jahat dengan bermacam-macam cara. Tetapi kalau penduduk-penduduk sesuatu kawasan itu sendiri sentiasa berjaga-jaga dan selalu berwaspada, saya percaya anasir-anasir ini tidak akan dapat meresap masuk ke kawasan ini. Dan adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk melaporkan apa juga gerakan atau aktiviti yang kita percaya akan merosakkan ketenteraman kawasan kita.

Saudara-saudara sekalian,

Bukanlah setakat menyimpan atau memiliki senjata-senjata api secara tidak sah sahaja yang akan dikenakan hukuman berat. Sesiapa jua yang terlibat membantu anasir-anasir anti-nasional akan dikenakan hukuman yang sama. Mereka yang memberi bantuan atau bekerjasama dengan anasir-anasir ini adalah disifatkan sebagai menjalankan kerja-kerja khianat kepada negara dan akan dihukum seberat-seberatnya di bawah Akta yang saya sebutkan tadi. Saya harap rakyat akan memberi sokongan dan kerjasama yang penuh dalam usaha-usaha Kerajaan hendak menghapuskan anasir-anasir jahat yang sentiasa cuba mengganggu ketenteraman dan memecah belahkan perpaduan rakyat.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Datuk Bandar kerana memberi saya kesempatan melalui upacara ini berucap kepada saudara-saudara sekalian. Saya dengan sukacitanya merasmikan Rancangan Perumahan Bukit Bangsar ini dan berharap penduduk-penduduk di kawasan ini akan hidup dalam keadaan aman dan bahagia.



Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein di upacara merasmikan Rancangan Perumahan Sri Pahang di Bukit Bangsar, Kuala Lumpur pada 10hb September, 1975